**TERMA DAN SYARAT**

| | |
|---|---|
| **Penganjur** | Dutch Lady Milk Industries Berhad (196301000165/5063-V) |
| **Peraduan** | **Peraduan Minum & Menang Emas** |
| **Tempoh Peraduan** | Peraduan ini bermula jam 00:00:00 pada 22 September 2022 dan ditutup jam 23:59:59 pada 6 November 2022. |
| **Kelayakan** | Peraduan ini terbuka kepada semua individu yang bermastautin secara sah di Malaysia dan Warganegara Malaysia yang berusia lapan belas [18] tahun dan ke atas pada 22 September 2022.<br><br>Golongan berikut tidak layak menyertai Peraduan ini:<br>a. Pekerja-pekerja pihak Penganjur dan kumpulan syarikatnya dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik, dan pasangan mereka);<br>b. Pekerja-pekerja agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).<br>c. |
| **Kaedah Penyertaan** | **Penyertaan Melalui Aplikasi WhatsApp**<br><br>1. Beli mana-mana produk **Dutch Lady** ("Produk Dutch Lady ") bernilai **RM35** dan ke atas di dalam satu resit ("Bukti Pembelian") semasa Tempoh Peraduan di mana-mana cawangan TF Value-Mart yang mengambil bahagian. Produk Dutch Lady yang turut serta adalah :<br><br>a) Dutch Lady GUM 123/456/6+ 850g<br>b) Dutch Lady MaxGro 600g, 2 x600g and 15x27g<br>c) Dutch Lady UHT Milk 1L and 200ml<br>d) Dutch Lady Sterilized Milk 225ml, 450ml and 900ml<br>e) Dutch Lady UHT Milk 180ml and 125ml<br>f) Dutch Lady Can 240ml<br><br>2. Hantarkan maklumat yang berikut melalui aplikasi WhatsApp ke **019-408 3899**:<br>(i) Gambar resit/bukti pembelian yang jelas<br>(ii) Nombor MyKad/ MyPR<br>(iii) Nama penuh<br>(Contohnya; Resit , Daniel Bin Ashraf , 771108-10-5677)<br><br>3. Nombor bersiri akan diberikan kepada setiap **Penyertaan Sah** yang memenuhi syarat pembelian dan maklumat peribadi yang diperlukan oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan. Bagi setiap pembelian **RM35.00** Produk Dutch Lady yang dibeli dalam satu (1) Bukti Pembelian, satu nombor bersiri akan diperuntukkan kepada Penyertaan,sebagai contoh ;<br><br>a) Satu Bukti Pembelian dengan pembelian Produk Dutch Lady bernilai RM70.00 , dua (02) nombor bersiri akan diperuntukkan.<br><br>b) Satu Bukti Pembelian dengan pembelian Produk Dutch Lady bernilai RM105.00, tiga (03) nombor bersiri akan diperuntukkan.<br><br>4. Tiada had jumlah penyertaan dengan pembelian yang sah sepanjang Tempoh Peraduan. |

<table>
<tr><td></td><td>5. Setiap satu Bukti Pembelian hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan dengan Bukti Pembelian duplikasi.<br><br>6. Simpan Resit atau Bukti Pembelian asal untuk tujuan pengesahan.<br><br>7. Walaubagaimanapun, merujuk perkara diatas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti Pembelian Asal (Salinan Cetak Asal) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.</td></tr>
<tr><td>Tarikh Akhir Penyertaan</td><td>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 6 November 2022.<br><br>Untuk penyertaan Mingguan, penyertaan mesti diterima oleh Penganjur sebelum atau pada 23:59:59 hari terakhir seperti Jadual Peraduan di bawah.<br><br><u>Jadual Mingguan Peraduan</u><br>❑ Minggu 1 : 22 September 2022 – 28 September 2022<br>❑ Minggu 2 : 29 September 2022 – 05 Oktober 2022<br>❑ Minggu 3 : 06 Oktober 2022 – 12 Oktober 2022<br>❑ Minggu 4 : 13 Oktober 2022 – 19 Oktober 2022<br>❑ Minggu 5 : 20 Oktober 2022 – 26 Oktober 2022<br>❑ Minggu 6 : 27 Oktober 2022 – 06 November 2022</td></tr>
<tr><td>Perincian Pengadilan</td><td>Pengesahan Penyertaan<br>1. Bukti Pembelian Asal yang jelas menunjukkan Produk, Harga, Nombor Resit, Tarikh Pembelian yang Sah dan Nama Kedai.<br>2. Semua butiran peribadi yang diperlukan.<br>3. Tiada duplikasi Bukti Pembelian.<br>4. Tiada perubahan Bukti Pembelian di dalam apa-apa jua bentuk.<br>5. Bukti Pembelian Tulisan Tangan, Pesanan Pembelian dan Nota Penghantaran Invois tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.<br><br>Pemilihan Pemenang Yag Disenarai Pendek :<br><br>Setiap peserta, hanya boleh memenangi dua (02) hadiah sepanjang Tempoh Peraduan ;<br>• satu (01) Hadiah Mingguan dan satu (01) Hadiah Utama, atau<br>• satu (01) Hadiah Mingguan dan satu (01) Hadiah Pertama<br><br>Pihak Penganjur akan menghubungi semua para pemenang yang disenarai pendek melalui aplikasi WhatsApp ke nombor yang diberi melalui Penyertaan untuk pemenang senarai pendek menjawab satu soalan mudah dalam masa yang telah ditetapkan.<br><br>Kegagalan memberikan jawapan yang betul kepada soalan yang diberikan dalam jangka masa yang ditentukan akan mengakibatkan pembatalan atau kehilangan kelayakan memenangi hadiah tersebut. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi atas apa jua alasan.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| | Soalan: **"Tujuan Dutch Lady Milk Industries Berhad adalah mengkhasiatkan rakyat Malaysia dengan pemakanan tenusu yang berkualiti untuk membantu mereka maju dalam kehidupan." (Betul /Salah)**<br><br>**Hadiah Mingguan : 10 x Baucar Membeli-belah TF Value-Mart Bernilai RM100**<br>Terdapat sepuluh [10] Baucar Membeli-belah TF Value-Mart Bernilai RM100 untuk dimenangi setiap minggu selama enam [6] minggu. Secara keseluruhannya, terdapat enam puluh [60] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.<br><br>Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan bersiri yang diterima dalam Tempoh Minggu Promosi, contohnya: jika terdapat 1,000 penyertaan layak yang diterima semasa Minggu Promosi, angka ini akan dibahagikan dengan 10. Ilustrasi perhitungan adalah seperti berikut:<br><br>1,000 ÷ 10 = **100***.<br><br>Pemenang Hadiah Mingguan yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-100 dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 100. Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 100*, 200*, 300*, 400* dan seterusnya.<br><br>Seramai **10 PEMENANG** akan dipilih untuk setiap Minggu Peraduan.<br><br>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang.<br><br>**Hadiah Utama : 2 x Jongkong Emas 10gm (Fine Gold 999.9)**<br>Terdapat dua [2] Jongkong Emas 10gm (Fine Gold 999.9) yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.<br><br>Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan, Contoh; 8,200 nombor siri ÷ 2 = nombor siri penyertaan yang menang . Ilustrasi perhitungan adalah seperti berikut:<br><br>8,200 ÷ 2 = **4,100***<br><br>Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-4100 dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 4100. Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 4100* dan 8200*.<br><br>Seramai **2 PEMENANG** akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.<br><br>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang.<br><br>**Hadiah Pertama : 4 x Telefon Pintar Samsung Galaxy A13**<br>Terdapat empat [4] Telefon Pintar Samsung Galaxy A13 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. |

| | |
|---|---|
| | Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan, Contoh; 8,200 nombor siri – Penyertaan Pemenang Hadiah Utama ÷ 4 = nombor siri penyertaan yang menang . Ilustrasi perhitungan adalah seperti berikut:<br><br>Dengan andaian penyertaan Pemenang Hadiah Utama = 16* penyertaan<br><br>8200 – 16* = 8184 ÷ 4 = **2046***<br><br>Pemenang Hadiah Pertama yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-2046 dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 2046. Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 2046*, 4092*, 6138* dan 8184*.<br><br>Seramai **4 PEMENANG** akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.<br><br>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang.<br><br>**Komunikasi Dengan Pemenang**<br>Senarai para pemenang juga akan diumumkan di laman social Penganjur di https://www.facebook.com/spread.the.goodness.of.milk<br><br>Semua pemenang yang disenarai pendek akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp yang bernombor **019-408 3899** ke nombor yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak untuk mendapatkan alamat penghantaran hadiah.<br><br>Pihak Penganjur berhak untuk meminta Bukti Pembelian asal untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk menghasilkan salinan Bukti Pembelian atas permintaan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelupusan hadiah. |
| **Hadiah** | **Hadiah Utama**<br>2 x Jongkong Emas 10gm (Fine Gold 999.9)<br><br>**Hadiah Pertama**<br>4 x Telefon Pintar Samsung Galaxy A13<br><br>**Hadiah Mingguan** ( x 6 Minggu)<br>10 X Baucar Membeli-belah TF Value-Mart Bernilai RM100<br>( Jumlah Pemenang Mingguan ; 60 Pemenang Mingguan ) |
| **Tarikh Tuntutan/Serahan Hadiah** | 1. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun.<br><br>2. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.<br><br>3. Hadiah akan diproses untuk penghantaran atau kutipan selepas 30 hari dari tarikh Pengumuman Pemenang Peraduan. |

| | |
|---|---|
| | 4. Penganjur mempunyai hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.<br><br>5. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat atau pengumuman atau notis tuntutan hadiah yang mana lebih awal .<br><br>6. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.<br><br>7. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut. |
| **Syarat Tambahan** | 1. Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).<br><br>2. Penganjur, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.<br><br>3. Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.<br><br>4. Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.<br><br>5. Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.<br><br>6. Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di https://www.dutchlady.com.my/privacy-policy/ |

| | |
|---|---|
| | 7. Peserta mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:<br><br>Dutch Lady Careline Telephone No.: 1-800-88-1191<br>E-mail address: dutchladycareline@frieslandcampina.com |